

# Peluang rakyat miliki kediaman PRIMA

Skim pembiayaan perumahan inovatif wajar dijadikan penanda aras sedia akses kewangan mudah

Oleh Junita Mat Rasid, Mohamed Farid Noh dan Mahaizura Malik  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Skim Pembiayaan Perumahan Inovatif PRIMA wajar dijadikan penanda aras dalam usaha kerajaan dan pihak industri menyediakan akses kewangan yang mudah kepada pembeli rumah.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob, berkata inisiatif yang mesra pembeli itu dapat membuka lebih banyak peluang kepada Keluarga Malaysia khususnya golongan muda dan berpendapatan pertengahan untuk memiliki rumah PRIMA tanpa bimbang mengenai pinjaman.

“Ini adalah antara isu penting yang dibangkitkan dan dibincang ketika mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN), baru-baru ini. Alhamdulillah, kita sudah dapat melihat hasil daripada perbincangan itu.

“Saya yakin dan percaya, inisiatif seperti ini membolehkan lebih ramai Keluarga Malaysia memiliki rumah sendiri, termasuk mereka yang menghadapi masalah mendapatkan kelulusan pembiayaan dengan jaminan dikeluarkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), sebuah syarikat milik pe-



Ismail Sabri bergambar bersama penerima surat tawaran selepas merasmikan Skim Pembiayaan Perumahan Inovatif PRIMA di Residensi Larkin Indah, Johor Bahru, semalam. (Foto Mohamad shahrii Badri Saali/BH)

nuh Kementerian Kewangan,” katanya ketika berucap merasmikan Skim Pembiayaan Perumahan Inovatif PRIMA di Residensi Larkin Indah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Besar Johor, Datuk Seri Hasni Mohammad; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican dan Pengerusi Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA), Datuk Dr Fathul Bari.

Ismail Sabri berkata, SJKP juga diperuntukkan RM2 bilion untuk membantu memberi jaminan dan memudahkan kumpulan tidak mempunyai penyata gaji membuat pinjaman perumahan.

Beliau berkata, usaha itu membuktikan komitmen kerajaan yang ingin melihat Keluarga Malaysia mendapat akses kepada pembiayaan perumahan seperti PRIMA dengan lebih mudah dan luas.

“Saya difahamkan sebagai permulaan, ia ditawarkan kepada pembeli kediaman Residensi Larkin Indah sebelum diperluas kepada projek PRIMA yang lain.

“Ini pastinya dapat memberi keselesaan kepada pembeli rumah PRIMA pada masa akan datang untuk merancang pembelian rumah mereka dengan lebih yakin,” katanya.

Skim Pembiayaan Perumahan Inovatif PRIMA adalah selari de-

ngan aspirasi Keluarga Malaysia serta Kempen Pemilikan Rumah ‘Home Ownership Programme’ (HOPE) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ismail Sabri berkata, beliau berbangga usaha kerajaan Johor bersama-sama agensi kerajaan lain seperti PRIMA untuk merealisasikan projek perumahan di seluruh Johor dalam menyahut seruan kerajaan, membina perumahan yang berdaya huni.

Katanya, usaha itu selari dengan aspirasi memperkasakan pemilikan rumah mampu milik bagi golongan B40 dan M40 tanpa menanggung beban kewangan yang berat melalui program perumahan mampu milik.